



## Ragam Pendapatan dan Perbelanjaan Masyarakat FELDA: Kajian di Johor, Pahang dan Negeri Sembilan

*Kursimah Harun  
Ahmad Nawawi Yaakob*

### ABSTRAK

*Kewujudan FELDA adalah untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu khasnya yang diperkenalkan oleh kerajaan. Dengan bantuan dan kemudahan penuh, apakah hasrat ini mencapai matlamat seperti yang diharapkan? Kajian ini bagi mengenal pasti sumber pendapatan, corak perbelanjaan dan pengurusan kewangan peneroka di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang. Berbantukan soal selidik kepada 314 peneroka yang diedarkan secara rawak mendapati wujudnya perbezaan ketara kalangan peneroka yang berjaya dan mereka yang masih di tahap yang sama. Pendapatan peneroka sawit didapati lebih lumayan berbanding getah, selain menjelaskan peneroka Pahang dan Johor lebih tinggi pendapatannya berbanding di Negeri Sembilan. Faktor sikap untuk merebut peluang dikena lpasti menjadi punca utama perbezaan ini walaupun pihak pengurusan FELDA menyediakan pelbagai kemudahan dan pembangunan. Justeru, pembangunan insan dalam aspek keusahawanan, khasnya kepada generasi kedua FELDA perlu dibangunkan segera oleh pihak berwajib bagi meningkatkan kualiti hidup sosial ekonomi masyarakat peneroka.*

**Kata kunci:** *FELDA, keusahawanan, peneroka*

### Pengenalan

FELDA ditubuhkan sejak 1956 bertujuan bagi menangani masalah kemiskinan, khasnya masyarakat luar bandar. Setelah 50 tahun berperanan dalam konteks menangani masalah kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, Felda kini menjadi satu entiti besar dan agenda utama pembangunan negara. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persoalan pokok yang menjadi agenda penubuhannya sendiri, sama ada masyarakat peneroka telah berjaya dibangunkan dari aspek sosial ekonominya dan seterusnya mampu menyumbangkan kepada pembangunan negara.

### Matlamat Kajian

- i. Mengenal pasti sumber dan kadar pendapatan masyarakat peneroka di tiga negeri yang terlibat iaitu Johor, Pahang dan Negeri Sembilan
- ii. Mengenal pasti ragam perbelanjaan warga peneroka
- iii. Mengenal pasti perbezaan pendapatan/perbelanjaan/kepuasan warga peneroka dalam kawasan kajian

### Hipotesis Kajian

- i. Tidak terdapat perbezaan pada sumber dan kadar pendapatan warga peneroka antara negeri dalam kawasan kajian.
- ii. Tidak terdapat perbezaan pada bentuk perbelanjaan warga peneroka antara negeri dalam kawasan kajian.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi mengemukakan pendapatan sebenar warga peneroka, kaedah perbelanjaan harian mereka di samping mengetahui tahap kebergantungan mereka kepada hasil pertanian daripada aset yang disediakan. Data yang akan diperolehi penting agar perbezaan pendapatan antara kedua golongan dapat dikurangkan.

## **Skop dan Batasan Kajian**

Kajian difokuskan kepada mengenal pasti sumber pendapatan peneroka (responden) melalui hasil tanaman (sawit dan/atau getah) mahupun dari sumber sampingan lain seperti kerja buruh, kerja kilang, perniagaan dan sebagainya. Kajian dibataskan kepada enam buah Felda sahaja yang mewakili tiga buah negeri; Johor, Pahang dan Negeri Sembilan. Enam buah Felda terlibat ialah Felda Pemanis dan Maokil 1 (Johor), Felda Selancar 2 dan Keratong 7 (Pahang) dan Felda Jelai 1 dan Felda Sungai Kelamah (Negeri Sembilan).

## **Bacaan Literatur**

Setelah merdeka, Persekutuan Tanah Melayu baru membuka langkah bagi membangunkan ekonomi Melayu yang jauh ketinggalan berbanding bangsa lain. Menyedari keadaan ini, Felda diwujudkan sebagai usaha kerajaan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dasar utama kerajaan dalam membangunkan desa adalah seiring dengan DEB yang bertujuan mewujudkan keseimbangan ekonomi dan perpaduan kaum melalui strategi :

- i. Mengurangkan kadar kemiskinan dengan meningkatkan punca pendapatan di samping peluang kerjaya yang lebih luas kepada rakyat Malaysia tanpa mengira batasan kaum.
- ii. Meningkatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi dengan mengurangkan perbezaan pengenalan bangsa melalui aktiviti ekonomi.

## **Latar Belakang FELDA**

FELDA telah mencecah usia 50 tahun bersama mengharungi kancang pembangunan negara. Ia ditubuhkan melalui Ordinan Pembangunan Tanah 1956 bertujuan membangunkan kawasan tanah baru dan penempatan semula penduduk dalam aktiviti pertanian yang lebih ekonomik. Idea awalnya dikemukakan Parti Buruh telah mendapat peruntukan sejumlah RM10 juta bagi memulakan operasi (Tunku Shamsul & Lee, 1988 p. 5). Tun Abdul Razak memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kelangsungan FELDA. Gagasan beliau semata-mata untuk membangunkan masyarakat Melayu di seluruh pelusuk negara terjelma melalui FELDA. Bermula Mac 1957, FELDA memulakan penerokaan tanah pertamanya di Ayer Lanas meliputi kawasan seluas 1620 hektar bermodal sejumlah \$800,000. Menjelang 1958, lima lagi tanah rancangan baru dibuka iaitu di Tanah Rancangan Chalok (1620 ha), Kemendor (1620 ha) Solok Menggong (405ha) Batu Lapan, Guar Napai dan Padang (Segi tiga Kodiang) dan Lembah Bilut di Bentong Pahang. Lapan lagi kawasan lain dibuka di Sungai Tiang, Kedah (1215ha), Maran, Pahang (2025 h), Endau (810 ha) & Kulai (810) di Johor, Batu Mengkebang, Kelantan (2430) Jalan Kangar-Padang Besar, Perlis (405), Sungai Chua, Negeri Sembilan (810) dan Sungai Lui (405) (Tunku Shamsul & Lee, 1988).

## **Pencapaian FELDA**

Diukur pada sudut ekonomi, pencapaian masyarakat peneroka adalah jauh lebih baik berbanding kumpulan masyarakat tradisional di perkampungan. Pencapaian hasil kebun sawit peneroka pada keseluruhannya memuaskan. Hasil yang diperoleh dicapai melebihi sasaran.

Jadual 1: Perbandingan Purata Pendapatan Tahunan Peneroka Getah dan Sawit

Tahun	Purata pendapatan peneroka					
	Sawit		Getah		Purata Harga	
	Kasar	Bersih	Kasar	Bersih	Sawit	Getah
1992	604.80	614.32	698.72	531.11	158.76	1.94
1993	935.91	718.57	640.08	481.15	141.15	1.92

Jadual 2: Perbandingan Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah Masyarakat

Sumber Pendapatan	Peneroka FELDA		Masyarakat luar Bandar		
	Sawit (RM)	Getah (RM)	Nelayan (pantai timur) (RM)	Pekebun Kecil (RM)	Penanam Padi (RM)
Bidang usaha utama	580.4	548.2	85	174.19	83.36
Aktiviti pertanian selain dari bidang usaha utama	14.48	5.24	22.32	44.72	72.02
Aktiviti bukan pertanian	124.24	51.46	123.5	181.92	213.46
JUMLAH	719.12	604.9	230.82	400.83	368.84

Dalam usaha membangunkan ekonomi peneroka, berbagai kegiatan hilir dijalankan seperti mengusahakan tanaman kontan, penternakan lembu kambing, penternakan ikan air tawar, mengusahakan bengkel, usaha tani dan usaha niaga dan sebagainya.

### Corak Pendapatan Warga Peneroka

Sebelum menjadi peneroka, hasil kajian menunjukkan lebih kurang 84% dari mereka adalah berasal dari golongan yang berpendapatan kurang dari RM199 sebulan. Di samping itu, pemilikan harta dan modal yang tidak ekonomik dan produktif juga merupakan punca kepada pendapatan mereka yang rendah.

Jadual 3: Pendapatan Sebelum Menjadi Peneroka

Pendapatan Sebulan (RM)	Peratus
RM 0.00 - RM 99.00	38
RM 100.00 - RM 199.00	46
RM 200.00 - RM 299.00	11
RM 300.00 - RM 399.00	4
RM 400.00 - RM 499.00	1
Purata : RM 133.50	100

Jadual di atas menunjukkan purata pendapatan mereka sebelum menjadi peneroka lebih kurang RM133.50 sebulan, dan jika ukuran purata pendapatan ini dijadikan ukuran kemiskinan, maka sebahagian besar peneroka berasal dari golongan miskin (Che Man, 1982).

### **Kegiatan Ekonomi Warga Peneroka**

Setiap peneroka diserahkan sepuluh hektar tanah pertanian sama ada untuk tanaman sawit atau getah, disediakan rumah dan kemudahan asas lain yang teratur dan tersusun. Pemusatan kelompok peneroka dalam persekitaran kediaman yang sama memberi peluang kepada peneroka dalam menyempurnakan sosialisasi mereka. Peluang ini membolehkan FELDA melahirkan usahawan baru di kalangan peneroka sendiri. Hari ini tidak kurang ramainya usahawan peneroka lahir di tengah kehidupan FELDA. Ia seiring dengan mandat yang diberikan kepada pihak pengurusan FELDA seperti berikut:

- i. Membuka dan membangunkan ladang-ladang dan penempatan peneroka
- ii. Meningkatkan kualiti hidup golongan yang tidak memiliki tanah
- iii. Melaksanakan pembangunan sepadu termasuk menyediakan kemudahan sokongan dan kemudahan prasarana bagi meningkatkan status ekonomi peneroka
- iv. Melaksanakan aktiviti sosial dan kerohanian bagi menggalakkan peneroka dan keluarga mereka lebih terbuka, progresif dan bertanggungjawab
- v. Mengambil bahagian secara aktif dalam menyediakan kemudahan, pemasaran, pengangkutan dan aktiviti lain yang boleh mendatangkan pulangan kepada pihak peneroka sendiri

Oleh itu kegiatan ekonomi peneroka telah dipelbagaikan ke arah menjana pendapatan dengan lebih baik. Antara kegiatan ekonomi yang diberi tumpuan termasuklah dasar mengoptimunkan pengeluaran sawit, usahawan tani, penternakan ladang, penglibatan wanita dalam ekonomi, homestay dan pembangunan generasi kedua.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk inferential yang punyai kebarangkalian untuk digeneralisasikan pada tempat lain pada kes yang sama.

#### **Pemboleh Ubah Kajian**

Kajian ini melibatkan dua jenis pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas iaitu faktor demografi dan situasi responden iaitu umur, jantina, lama menghuni, bilangan anak dan status. Maklumat ini diperolehi daripada soal selidik Bahagian A. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah (a) sumber pendapatan meliputi pendapatan hasil tanaman mahupun sumber lain dan (b) pengurusan kewangan yang menilai persepsi responden terhadap pendapatan, tabungan dan pendidikan anak-anak. Maklumat ini diperolehi daripada soal selidik Bahagian B dan Bahagian C.

#### **Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di enam buah FELDA iaitu Felda Pemanis dan Maokil (Johor), Felda Selancar 2 dan Keratong 7 (Pahang) dan Felda Jelai 1 dan Felda Sungai Kelamah (Negeri Sembilan). Populasi kajian adalah tinggi jika dilibatkan ahli keluarga peneroka, namun kajian ini hanya memilih diri peneroka (lelaki pada kebiasaannya) dan pasangan (isteri) peneroka sahaja. Jumlah sampel kajian adalah seperti berikut:

**Jadual 4: Jumlah Populasi dan Sampel Kajian**

FELDA	Populasi Peneroka/ keluarga	Sampel Kajian
Pemanis	312	50
Maokil	213	55
Selancar	322	62
Keratong 7	310	51
Jelai 1	305	39
Sungai Kelamah	298	52
<b>JUMLAH</b>	<b>1760</b>	<b>309</b>

Sampel kajian agak kecil jika dibandingkan dengan jumlah populasi yang ada, namun begitu penyelidik telah mengagihkan soal selidik secara rawak mudah tanpa mengira latar belakang dan pendapatan peneroka. Ia boleh memberi gambaran sebenar kepada taraf sosio-ekonomi masyarakat peneroka. Terdapat seramai 218 responden lelaki dan 96 responden perempuan dengan lebih 60% responden berusia antara 46 – 60 tahun. Keadaan ini menjelaskan keupayaan mereka untuk melakukan tugas-tugas berat agak sukar dan terbatas.

### **Analisa Data Kajian**

Data kajian yang dikumpul dianalisa berbantuan 'The Statistical Package for the Social Sciences' (SPSS PC + Version 11.5). Untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah, ujian kolerasi dan regresi dijalankan. Pekali kolerasi digunakan bagi menunjukkan magnitud dan arah hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pekali ini dilihat dari segi hubungan positif atau negatif antara pemboleh ubah tersebut. Penganalisaan data daripada soal selidik menggunakan kaedah berikut:

**Jadual 5: Analisa Data**

Bahagian	Jenis Analisa	Alat Pengukuran
A	Biodata responden	Frekuansi, peratusan
B	Pendapatan dan aset	Frekuensi, peratusan
C	Pengurusan kewangan	Min, ujian-t, crosstabulation

### **Analisa Data dan Keputusan Kajian**

Keputusan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu latar belakang responden pendapatan dan perbelanjaan peneroka dan analisis deskriptif subjek iaitu melihat persepsi responden terhadap item sumber kewangan, kewangan dan perbelanjaan. Analisis Data Inferensi iaitu melihat perbezaan antara responden dari berbagai lokasi kajian secara crosstabulation dan ujian-t.

### Sumber Pendapatan

Jadual 6: Hasil Sawit dan Getah Setiap Kali Jualan

Jualan sawit	Jumlah	Peratus	Jualan getah	Jumlah	Peratus
RM400 ke bawah	25	7.2	RM100 ke bawah	13	3.8
401 – 500	22	6.4	101 – 200	9	2.6
501 – 600	27	7.8	201 – 300	0	0
601 – 700	34	9.5	301 – 400	3	.9
701 dan ke atas	119	34.1	400 dan ke atas	18	5.2

Jadual 6 di atas menunjukkan pendapatan peneroka sawit mendapat hasil yang agak lumayan kerana pada sekali tuaian kebanyakannya mendapat RM700 ke atas yang mewakili 34%. Kebiasaannya sawit akan dituai dua kali sebulan. Bagi peneroka getah pula purata pendapatan sekali jualan purata RM100 – RM150 dengan 4 kali sebulan. Hitung panjang pendapatan peneroka getah ialah sekitar RM600.00 sebulan, pada harga biasa.

Jadual 7: Pendapatan Bulanan serta Jumlah Peneroka yang Mempunyai Pekerjaan Sampingan

Kadar	Jumlah	Peratus	Pekerjaan Sampingan	Jumlah	Peratus
RM500 ke bawah	9	2.6	Berniaga	42	12.1
501 – 1000	132	38.2	Mengambil upah	91	26.3
1001 – 2000	92	26.6	Kerja kilang	7	2
2001 – 3000	65	18.8	Pencen	1	.3
3001 – 4000	7	2	Pelaburan	1	.3
4001 dan ke atas	3	.9	Lain-lain	33	9.5
Missing system	31	9	Missing system	171	49.4

Jadual 7 menunjukkan jumlah dan peratusan pendapatan peneroka secara kasar. Majoriti peratusan menunjukkan pendapatan peneroka pada RM500 – RM1000 mewakili 38.2 %, diikuti RM1001 – RM2000 (26.6 %) dan RM2001 – RM3000 (18.8 %). Memandangkan pendapatan agak rendah, ada segelintir peneroka mencebur aktifiti sampingan.

Mengambil upah merupakan aktifiti yang paling banyak melibatkan peneroka mewakili 26.3 %, diikuti berniaga 12.1 %. *Missing system* yang ramai (49.4%) – hampir separuh berkebarangkalian menunjukkan responden tidak mempunyai sumber pendapatan lain, selain ladang. Ia menjelaskan peneroka masih bergantung sepenuhnya kepada pendapatan hasil tanaman ladang sama ada sawit mahupun getah.

### Perbelanjaan dan Cara Berbelanja

Kajian mendapati ragam perbelanjaan masyarakat peneroka yang menggunakan perkhidmatan kedai runcit untuk membeli keperluan harian yang mewakili 54.6 peratus. Namun begitu ramai juga – mewakili 32.7 % - yang berbelanja di bandar terdekat. Mereka juga didapati lebih suka berbelanja secara langsung (mewakili 83.3). Seramai 61.6% responden didapati gemar membeli peralatan perabut dan barang elektrik menggunakan skim ansuran.

### **Analisa Deskriptif Subjek**

Berikut adalah analisis bilangan dan peratusan dari perspektif responden berkaitan dengan item sumber kewangan, kedudukan kewangan, perbelanjaan dan pendidikan anak-anak. Kesemua item mempunyai format jawapan sangat setuju (SS), setuju (S), tidak pasti (TP), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS).

Jadual 8: Bilangan dan Peratusan Responden bagi Item Sumber Kewangan

	Item	SS	S	TP	TS	STS	Min	SD
25	Saya berpuas hati dengan sumber pendapatan saya	23 (6.6)	189 (54.6)	53 (15.3)	40 (11.6)	8 (2.3)	3.57	.8962
26	Pendapatan saya mencukupi untuk keperluan harian	23 (6.6)	210 (60.7)	40 (11.6)	31 (9)	8 (2.3)	3.66	.8505
27	Saya tidak berpeluang mencari sumber pendapatan sampingan	4 (1.2)	75 (21.7)	42 (12.1)	149 (43.1)	34 9.8	2.55	1.022
28	Saya bergantung penuh pada sumber ladang (sawit/ getah)	37 (10.7)	123 (35.5)	17 (4.9)	114 (32.9)	14 (4)	3.18	1.190
29	Saya memerlukan bantuan kewangan dari luar, kerajaan	17 (4.9)	94 (27.2)	76 (22.0)	80 (23.1)	29 (8.4)	2.96	1.101

Jadual 9: Bilangan dan Peratusan Responden bagi Item Kedudukan Kewangan

	Item	SS	S	TP	TS	STS	Min	SD
30	Kewangan saya stabil pada masa kini	21 (6.1)	196 (56.6)	54 (15.6)	35 (10.1)	4 (1.2)	3.629	.8211
31	Saya risau dengan kewangan untuk pendidikan anak-anak	28 (8.1)	135 (39.0)	48 (13.9)	56 (16.2)	8 (2.3)	3.427	1.017
32	Perbelanjaan persekolahan pada awal tahun, mencukupi	21 (6.1)	157 (45.4)	42 (12.1)	39 (11.3)	13 (3.8)	3.531	1.175
33	Saya membuat persediaan kewangan anak-anak ke kolej, universiti	10 (2.9)	138 (39.9)	56 (16.2)	44 (12.7)	14 (4)	3.328	.9782
34	Saya tidak terbeban dengan hutang pada masa kini	33 (9.5)	161 46.5	29 (8.4)	65 (18.8)	11 (3.2)	3.468	.5608

### *Analisa Inferensi*

Berikut dinyatakan dapatan kajian berpandukan hipotesis awal yang dijangka. Dapatannya adalah seperti berikut:

**Pendapatan**

Hipotesis:  $H_0$  : Tidak terdapat perbezaan pendapatan peneroka antara negeri  
 $H_1$  : Terdapat perbezaan pendapatan peneroka antara negeri

Jadual 10: Anova Pendapatan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	94686134.093	5	18937226.819	53.491	.000
Within Groups	107269367.525	303	354024.315		
Total	201955501.618	308			

Jadual 11: Pendapatan

	N	Mean	Std. Error	95% Confidence Interval		Minimum	Maximum		
				for Mean					
				Lower Bound	Upper Bound				
Selancar 2	62	939.5161	48.33474	842.8648	1036.1674	500.00	2500.00		
Maokil 1	55	1613.6364	116.92219	1379.2215	1848.0512	500.00	4500.00		
Keratung 7	51	2132.3529	82.05478	1967.5411	2297.1648	750.00	3500.00		
Jelai 1	39	839.7436	55.47548	727.4394	952.0478	500.00	2500.00		
Sg Kelamah	52	918.2692	44.87348	828.1820	1008.3565	500.00	1500.00		
Pemanis 1	50	2145.0000	112.05183	1919.8234	2370.1766	500.00	4500.00		
Total	309	1435.2751	46.06523	1344.6327	1525.9175	500.00	4500.00		

Dari jadual di atas, null hipotesis ( $H_0$ ) ditolak dan menerima ( $H_1$ ) kerana terdapat perbezaan pendapatan yang agak ketara di antara negeri.

Jadual 12: Taburan Peneroka di 4 Buah FELDA Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan	FELDA			
	Selancar2	Keratung 7	Jelai 1	Sg Kelamah
500	2	0	2	1
750	45	1	33	39
1500	14	19	3	12
2500	1	29	1	0
3500	0	2	0	0
4500	0	0	0	0
Jumlah	62	51	39	52

Jadual 13: Purata Pendapatan(Y) dan Simpanan(S) di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang

Negeri	FELDA	Purata	Min Y	Max Y	Purata S	Min S	Max S	Puas dgn Y %
		Y RM	RM	RM	RM	RM	RM	%
Johor	Maokil 1	1600	500	4500	4700	500	10500	17.5
	Pemanis 1	2000	500	4500	5000	500	10500	24.3
Negeri Sembilan	Jelai 1	840	500	2500	1500	500	9500	7.9
	Sg. Kelamah	900	500	1500	4100	500	10500	16.9
Pahang	Selancar 2	940	500	2500	4700	500	10500	11.1
	Keratong	2000	750	3500	3800	2500	10500	22.2
	7							

Berdasarkan jadual di atas , purata pendapatan bagi Felda Pemanis dan Keratong mencatat purata pendapatan yang tertinggi sebanyak RM2000. Manakala Felda Jelai 1 mencatat purata pendapatan yang paling rendah sebanyak RM840, diikuti oleh Felda Sg. Kelamah dan Selancar 2. Peneroka di Negeri Sembilan dikategorikan berpendapatan pada purata yang rendah berbanding negeri lain. Hanya 7.9% peneroka di Felda Jelai 1 dan 7.5% di Felda Sungai Kelamah tidak berpuas hati dengan pendapatan mereka. Negeri Pahang pula 57.5% peneroka di Felda Selancar 2 yang tidak berpuas hati dengan pendapatan yang mereka perolehi sementara tiada peneroka Felda Keratong 7 yang tidak berpuas hati. Peneroka Felada Selancar 2 tidak ramai yang berkecimpung dengan kerja sambilan berbanding dengan peneroka di Felda Keratung 7. Secara keseluruhannya, terdapat jurang perbezaan yang tinggi bagi ketiga-tiga negeri.

## Rumusan

Kajian mendapati, taraf ekonomi peneroka berbeza mengikut jenis tanaman yang diusahakan di mana peneroka sawit lebih tinggi pendapatannya berbanding peneroka getah. Selain itu, sikap peribadi peneroka yang mudah puas hati dan kurang minat dalam keusahawanan dan mengejar ekonomi keluarga menjadi punca sukarnya merubah taraf hidup mereka. Kajian ini mencadangkan beberapa perkara utama seperti penerokaan industri hiliran ditingkatkan di kawasan tanah rancangan seperti mewujudkan industri kecil dan sederhana, aktiviti pternakan, kraf tangan dan sebagainya. Selain itu kesedaran peneroka peri pentingnya penguasaan ekonomi untuk kelangsungan generasi akan datang, dan ia sememangnya menjadi suruhan agama Islam perlu dilaksanakan. Pembangunan generasi kedua kerana ini akan menentukan arah tuju yang lebih baik khasnya penglibatan langsung dalam keusahawanan sebagai budaya baru yang lebih luas dan terbuka.

## Penutup

Kajian seumpama ini perlu dikembangkan lagi khasnya usaha ke arah membangunkan generasi kedua peneroka (dan ketiga) dan usaha ke arah mewujudkan sebuah Pusat Kecemerlangan Peneroka di IPT sewajarnya disegerakan. Pembangunan generasi kedua dan kelangsungan faedah daripada agihan sepuluh ekar tanah perlu dilihat secara mikro agar ia relevan dengan kehendak semasa.

## Rujukan

- Ahmad Nawawi Hj. Yaakob. (2002, Oktober 1-2). *Visi pendidikan dan kerjaya anak-anak di kalangan masyarakat peneroka : Satu tinjauan*. Kertas kerja dibentangkan di ICEFA 2002. Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi.
- Amir H. Baharuddin. (1985). *Ekonomi Pulau Pinang dan Melayu Malaysia*. Pulau Pinang: Pustaka Pulau Pinang.
- Deaton, A.S. (1992). *Understanding consumption*. New York: Clarendon Press, Oxford.
- Edwards S.J., & Mellett T. (1995). Couples and their money: Patents of accounting and accountability in the domestic economy. *Journal of Accounting, Auditing and Accountability*, 13(4), 34 – 45.
- Gitman, Lawrence J. (1993). *Personal financial planning*. 6<sup>th</sup> ed. Florida: Harcourt Brace College Publishing.
- MacDonald, R., & Molana, H (2000, April). *Does consumption function deviate from the permanent income path?* Dundee Discussion Papers In Economics no. 107 .
- Misra, R. P. (1985). *Rural industrialization in third World Countries*. U.K: Sterling Publishing Private Limited.
- Nafziger E. Wayne. (1990). *The economics of developing countries*. 2<sup>nd</sup> ed. London: Prentice Hall International, Inc.
- Pahl, Jan (2000). Couples and their money: Patents of accounting and accountability in the domestic economy. *Journal of Accounting, Auditing and Accountability*, 13, (4), 113- 121
- Sulong Mohamad & Rahimah Abd. Aziz. (1985). *Perbandaran dan pembangunan negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tunku Shamsul Bahrin & Lee Boon Thong.(1988). 3 decades of evolution. Kuala Lumpur: FELDA.
- Wodon, Quentin T. (2000). Public utilities and low income customers- a marketing approach. *Journal of Public Sector Management*, 13(3), 37 - 45